



NOTIS MAKLUMAN

PEMBERIAN SUBSIDI BAGI PERLINDUNGAN INSURANS/ TAKAFUL TAMBAHAN KEPADA PELANGGAN LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM (LPPSA)

Selaras dengan konsep Malaysia Madani dan mewujudkan masyarakat sejahtera, LPPSA dengan kerjasama panel insurans/ takaful LPPSA akan meneruskan program perlindungan insurans/ takaful tambahan kepada pelanggan LPPSA dengan menawarkan subsidi premium/ sumbangan bernilai RM100 bagi perlindungan berikut (tertakluk kepada terma dan syarat berkaitan).

Perlindungan ini adalah tambahan kepada perlindungan gadai janji (MRTA/MRTT) dan perlindungan insurans/ takaful pemilikan rumah jangka panjang (LTHO/T) sedia ada.

No.	Perlindungan	Syarat Kelayakan	Perlindungan
1	Perlindungan Kemalangan Diri Berkelompok (<i>Group Personal Accident, GPA</i>)	Pelanggan baharu yang menerima tawaran pembiayaan perumahan LPPSA mulai 1 Februari 2024 sehingga 31 Disember 2026.	<ol style="list-style-type: none">1. Pelanggan layak secara automatik menikmati perlindungan tambahan untuk kematian dan kecacatan anggota badan (kekal penuh atau separa kekal) disebabkan kemalangan bernilai sehingga RM100,000 (tertakluk pada terma dan syarat).2. Perlindungan berkuat kuasa selepas bayaran MRTA/T dikeluarkan.3. Tempoh perlindungan adalah selama 12 bulan daripada tarikh kuat kuasa dan akan diperbaharui secara automatik untuk tahun berikutnya sehingga tahun 2026. <p>Maklumat terperinci berkaitan manfaat perlindungan boleh disemak di Lampiran 1.</p>
2	Perlindungan Isi Rumah (<i>Home Content</i>)	<ol style="list-style-type: none">1. Pelanggan masih mempunyai akaun berstatus aktif dengan LPPSA.2. Perlindungan adalah bagi hartanah yang masih dicagarkan kepada LPPSA sahaja.3. Bayaran LTHO/T telah dikeluarkan semasa permohonan tuntutan subsidi dikemukakan.	<ol style="list-style-type: none">1. Pelanggan yang layak perlu mengemukakan permohonan melalui pautan https://lppsa.gov.my/insurance/ untuk menikmati subsidi bagi mana-mana pakej perlindungan berikut:<ol style="list-style-type: none">a. Paket A<ul style="list-style-type: none">• Perlindungan: RM20 ribu• Premium/ sumbangan : RM100b. Paket B<ul style="list-style-type: none">• Perlindungan: RM30 ribu• Premium/ sumbangan: RM150<p>(pelanggan perlu menanggung jumlah perbezaan premium yang dikenakan oleh panel insurans/ takaful yang dipilih)</p>

No.	Perlindungan	Syarat Kelayakan	Perlindungan
		<p>4. Tuntutan subsidi perlu dibuat dalam tempoh 1 Februari 2024 – 31 Disember 2026.</p>	<p>2. Perlindungan berkuat kuasa mengikut tarikh yang ditetapkan semasa permohonan dikemukakan menerusi pautan di atas.</p> <p>3. Tempoh perlindungan adalah selama 12 bulan daripada tarikh kuat kuasa.</p> <p>4. Pelanggan boleh memperbaharui perlindungan melalui skim subsidi ini sehingga 31 Disember 2026.</p> <p>Maklumat terperinci berkaitan manfaat perlindungan boleh disemak di Lampiran 2.</p>

Sebarang pertanyaan lanjut, boleh dikemukakan melalui portal pertanyaan/ aduan rasmi LPPSA di <https://etiket.lppsa.gov.my/>.

8 FEBRUARI 2024

LAMPIRAN 1

PERLINDUNGAN KEMALANGAN DIRI BERKELOMPOK (GROUP PERSONAL ACCIDENT, GPA)

No.	Item	Perincian
1.	Syarat Kelayakan	Pelanggan baharu yang menerima tawaran pembiayaan perumahan LPPSA mulai 1 Februari 2024 sehingga 31 Disember 2026.
2.	Jumlah Perlindungan	RM100,000.00
3.	Sumbangan/ Premium	RM100 per polisi (akan dibiayai menerusi subsidi LPPSA dan pelanggan akan menikmati perlindungan secara PERCUMA)
4.	Tempoh Perlindungan	<ol style="list-style-type: none">1. Satu (1) tahun2. Polisi perlindungan akan diperbaharui secara automatik sehingga tahun 2026 bagi semua pelanggan yang layak.
5.	Skop Perlindungan	<ol style="list-style-type: none">1. Kematian / Keilatan Menyeluruh dan Kekal Akibat Kemalangan2. Keilatan Separuh dan Kekal Akibat Kemalangan3. Jumlah Perlindungan Tambahan untuk Kematian/ Keilatan Menyeluruh dan Kekal Akibat Kemalangan Semasa Melancong Di Luar Negara atau Di Dalam Pengangkutan Awam4. Perbelanjaan Pengebumian Akibat Kemalangan5. Perbelanjaan Penghantaran Pulang Jenazah Akibat Kemalangan6. Upah Badal Haji7. Perbelanjaan Pemulihan Akibat Kemalangan8. Perbelanjaan Perubatan Akibat Kemalangan9. Bayaran Ambulans (Maksimum RM200 untuk Setiap Kemalangan)10. Elaun Kecederaan Akibat Diragut11. Elaun Penyembuhan Denggi12. Kehilangan Tunai Akibat Rompakan ATM13. Pendapatan Harian Kemasukan ke Hospital Akibat Kemalangan (Maksimum 100 Hari Setahun) <p>Nota Penting: Maklumat dalam risalah ini telah diringkaskan dan tidak menyeluruh. Pelanggan dinasihatkan untuk merujuk kepada sijil kontrak tersebut untuk butiran terperinci terma dan syarat.</p>

LAMPIRAN 2**PERLINDUNGAN ISI RUMAH
(HOME CONTENT)**

No.	Item	Perincian
1.	Syarat Kelayakan	<ol style="list-style-type: none">1. Pelanggan masih mempunyai akaun berstatus aktif dengan LPPSA.2. Perlindungan adalah bagi harta yang masih dicagarkan kepada LPPSA sahaja.3. Bayaran LTHO/T telah dikeluarkan semasa permohonan tuntutan subsidi dikemukakan.4. Tuntutan subsidi perlu dibuat dalam tempoh 1 Februari 2024 – 31 Disember 2026.
2.	Jumlah Perlindungan & Sumbangan/ Premium	<p>Pakej A</p> <ul style="list-style-type: none">• Perlindungan: RM20 ribu• Premium/ sumbangan : RM100 <p>Pakej B</p> <ul style="list-style-type: none">• Perlindungan: RM30 ribu• Premium/ sumbangan: RM150 <p><i>(pelanggan perlu menanggung jumlah perbezaan premium yang dikenakan oleh panel insurans/takaful yang dipilih)</i></p>
3.	Tempoh Perlindungan	<ol style="list-style-type: none">1. Satu (1) tahun2. Pelanggan boleh memperbaharui perlindungan melalui skim subsidi ini sehingga 31 Disember 2026.
4.	Skop Perlindungan	<ol style="list-style-type: none">1. Kerugian atau kerosakan ke atas isi kandungan rumah pelanggan disebabkan oleh kebakaran, petir dan letusan;2. Kerugian atau kerosakan isi kandungan rumah anda disebabkan oleh pesawat udara, kenderaan jalan raya atau haiwan, tangki paip air yang pecah atau melimpah, kecurian melalui pencerobohan secara paksaan dan ganas, ribut, taufan, gempa bumi, letusan gunung berapi, banjir dan rompakan;3. Isi kandungan rumah yang dipindahkan sementara;4. Kerosakan kepada cermin;5. Harta benda pembantu rumah;6. Liabiliti kepada pihak ketiga atas kemalangan di rumah;7. Pampusan disebabkan oleh kecederaan maut (kematian) yang berlaku dengan keganasan oleh pencuri atau kerana kebakaran;8. Kehilangan sewa tidak melebihi sepuluh peratus (10%) daripada Jumlah Perlindungan isi kandungan rumah;9. Penenggelaman dan gelinciran tanah;10. Rusuhan, mogok dan kerosakan akibat perbuatan niat jahat; dan11. Kerosakkan akibat pokok tumbang atau dahan jatuh. <p>Nota Penting: Maklumat dalam risalah ini telah diringkaskan dan tidak menyeluruh. Pelanggan dinasihatkan untuk merujuk kepada sijil kontrak tersebut untuk butiran terperinci terma dan syarat.</p>